

12/08/2001

PNB yakin jual semua saham ASD

ALOR STAR: Permodalan Nasional Bhd (PNB) yakin keseluruhan saiz dana 300 juta unit saham Amanah Saham Didik (ASD) yang dilancarkan April lalu, akan habis dilanggan orang ramai.

Setakat ini, hanya 93 juta unit atau RM93 juta ASD berjaya dijual sejak ia dilancarkan 20 April lalu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, berkata bagaimanapun PNB tidak menetapkan tempoh tertentu bagi menjualkan keseluruhan dana 300 juta unit saham berkenaan.

"Dari aspek fundamental (asas) pelaburan jangka panjang, pasaran saham tempatan akan pulih. Memanglah kalau hendak dibandingkan penjualan Amanah Saham Malaysia (ASM), kita mampu menjual dua bilion unit saham ASM dalam tempoh 20 hari saja.

"Bagi PNB, pelaburan berterusan ibu bapa untuk anak-anak mereka dalam ASD atau pelabur berusia lebih 18 tahun menunjukkan ASD diterima masyarakat," katanya selepas majlis pelancaran ASD peringkat negeri, di sini petang semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. Kedah adalah negeri ketujuh dipilih untuk pelancaran ASD di peringkat negeri selepas ia dilancarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kota Bharu, 20 April lalu.

ASD yang bernilai RM1 seunit ditawarkan kepada Bumiputera dengan pelaburan bagi mereka yang berusia kurang 18 tahun dikendalikan mengikut ibu bapa atau penjaga manakala pelabur berusia lebih 18 tahun membeli saham itu melalui buku pelaburan sendiri.

PNB menghadkan pelaburan maksimum 100,000 unit. Pelabur boleh membeli dan menjual ASD di pejabat PNB atau 1,500 agen pelaburannya termasuk bank perdagangan, syarikat kewangan dan pejabat pos di seluruh negara.

Hamad Kama Piah juga berkata, setakat bulan ini, seramai 22,977 pelabur berusia kurang 18 tahun atau 85 peratus daripada keseluruhan pelabur ASD, sudah membeli saham amanah berkenaan.

"PNB akan mempergiatkan usaha menarik lebih ramai ibu bapa membeli ASD untuk anak mereka melalui kempen Minggu Amanah Saham Malaysia pada setiap 20 April.

"Dengan pelancarannya di peringkat negeri, PNB yakin usaha ini akan berjaya," katanya.

(END)